

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97**

**APRIL 1997**

**RPK 443/3 - Aspek Sosial Dalam Perancangan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **Soalan No. 1 adalah Wajib.**

1. (a) Istilah 'sosial' mempunyai berbagai takrifan. Pilih definisi yang boleh diguna-pakai dalam konteks Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976.

(20 markah)

- (b) Aspek sosial dalam perancangan adalah tersangat penting dengan munculnya beberapa masalah sosial dalam masyarakat hari ini. Bincangkan.

(20 markah)

2. Nyatakan dan jelaskan bagaimana pertalian kebudayaan dengan alam bina boleh memupuk dan membangunkan masyarakat berwarisan dan bertamadun di Malaysia.

(20 markah)

3. Pembangunan di Bukit Bendera, Pulau Pinang seperti digambarkan dalam pelan tempatannya merupakan contoh betapa pentingnya keseimbang di antara dimensi ekonomi dan ekologi dalam pembangunan. Sila beri pendapat anda.

(20 markah)

4. Penyertaan awam melalui latihan pameran dan seranta pelan-pelan struktur dan tempatan menonjolkan ciri 'ikut syarat' sahaja dalam proses demokrasi. Setujukah anda dengan pandangan ini?

(20 markah)

- 2 -

5. Perancangan guna-tanah (landuse planning) yang dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran geo-teknikal adalah dijangka akan berperanan lebih penting dalam proses membuat keputusan jika dibandingkan dengan amalan perancangan bandar dan desa (town and country planning) yang lebih mirip kepada perancangan dasar dan politik. Bincangkan.

(20 markah)

6. Mengapakah abad ke-21 dikenalpastikan oleh sesetengah pihak sebagai 'Abad Asia' (Asian Century)? Adakah 'udang di sebalik batu' dalam penumpuan keterlaluan terhadap 'Kebangkitan Asia' ini (Asian Renaissance)?

(20 markah)

-ooo000ooo-